

Seri Paduka diduga hadir Sidang Raja2

KUALA LUMPUR, Khamis — Yang di-Pertuan Agong dijangka akan turut berangkat menghadiri perjumpaan Raja-Raja Melayu di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam yang dikatakan akan membincang soal pindaan perlembagaan 20 November ini.

Raja Muda Perak, Raja Tun Azlan Shah dan Pengerusi Jemaah Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Laksamana Naquiyuddin juga difahamkan akan turut sama.

Raja Muda Perak juga dipercayai diundang sama untuk memberikan buah fikirannya dari segi perundangan.

Raja Tun Azlan mempunyai pengalaman yang luas dan mendalam dalam bidang perundangan dan boleh memberikan pandangan dan fikiran membina, khususnya dalam masalah yang sedang dihadapi.

Perjumpaan tersebut dijadualkan bermula jam 11 pagi dan adalah sambungan kepada perjumpaan pertama yang diadakan 30 Oktober lalu, juga di Istana Bukit Kayangan.

Dalam perjumpaan pertama, cuma Sultan Perak, Selangor, Kelantan, Terengganu, Kedah, Raja Perlis dan Pemangku Raja Pahang menghadirinya.

Yang di-Pertuan Agong tidak hadir kerana Seri Paduka gering manakala Sultan Johor pula di luar negeri.

Raja Muda Perak dan Pengerusi Jemaah Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pula tidak diundang.

Belum diketahui

Setakat ini masih belum diketahui siapa yang akan mempengerusikan perjumpaan ini.

Sumber-sumber itu berkata, selepas perjumpaan tertutup itu, rombongan enam orang anggota Majlis Tertinggi Umno diketuai oleh Naib Presid dan pengerusi jawatankuasa perlembagai Encik Abdul Ghafar Baba akan mengadakan F sebelah petang.

Anggota-anggota rombongan itu ialah Naib-Naib Presiden, Datuk Haji Harun Idris dan Tengku Ahmad Rithauddeen, Setiausaha Agong, Datuk Mustapha Jabar dan dua orang anggota Majlis Tertinggi, Datuk Seri Haji Kamaruddin Haji Mohamad Isa dan Puan Marina Yusoff.

Sementara itu, Menteri-Menteri Besar akan mengadakan Raja masing-masing mengenai isu pindaan perlembagaan sebelum 20 November.

Sumber-sumber Umno menyatakan mereka harus menyembahkan kedudukan sebenar mengenai isu itu sebelum pertemuan antara wakil-wakil Majlis Tertinggi Umno dan Raja-Raja yang mungkin diadakan di Istana Kayangan, Shah Alam.

Adalah difahamkan, Ibu Pejabat Umno telah menyalpkan draf perutusan khas kepada Raja-Raja mengenai isu itu.

Dari Melaka dilaporkan, Ketua-Ketua Menteri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak akan menemui Yang Dipertua Negeri masing-masing secepat mungkin untuk menjejaskan kedudukan sebenar pindaan perlembagaan.

Semua Menteri Besar dan Ketua Menteri akan menandatangani satu memorandum menjelaskan kedudukan sebenar pindaan perlembagaan itu sebelum diserahkan kepada Sultan atau Yang Dipertua Negeri masing-masing.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Abdul Rahim Thamby Chik mengesahkan hari ini beliau akan menemui Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Zahiruddin Syed Hassan secepat mungkin.

Beliau akan ditemani oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Haji Zainal Abidin Haji Nordin.